

04 MAY 1996

Yong-Pindaan

CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG NEGERI PERLU DIUMUMKAN, KATA YONG

KOTA KINABALU, 4 Mei (Bernama) -- Timbalan Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee hari ini berkata beliau akan mengumumkan kepada orang ramai cadangan pindaan lima undang-undang negeri yang bertujuan menghadkan kuasa Ketua Menteri.

Yong yang akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri daripada Datuk Salleh Said Keruak berkata cadangan pindaan perlu diumumkan terlebih dahulu agar orang ramai boleh memahami rasional di sebalik tindakan itu dan perlunya pindaan itu.

"Jika saya diberi kebebasan untuk bertindak dan apabila saya mendapat peluang itu, saya akan secepat mungkin mengeluarkan (rang undang-undang itu) dan mengumumkannya kepada orang ramai. Setakat hari ini saya masih belum berkuasa untuk berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas melancarkan cawangan Bank Multi-Purpose di sini.

Yong, yang juga Menteri Kewangan dan Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), berkata beliau yakin orang ramai akan memberi sokongan kepada cadangan pindaan itu apabila mereka telah membaca rang undang-undang itu.

"Perkara ini telah dibincangkan banyak kali di peringkat Kabinet serta kalangan pemimpin pelbagai parti komponen Barisan Nasional (BN) dan saya berpendapat masa yang diberikan (sehingga 17 dan 18 Jun) untuk mereka mengkaji perkara itu adalah memadai untuk sesiapa juga memahami rang undang-undang itu," katanya.

"Ia perlu diumumkan kepada orang ramai terlebih dahulu agar sebarang kebimbangan dapat dihapuskan. Para pemimpin kerajaan hendaklah menjelaskan kebaikan cadangan pindaan itu. (Setakat ini) ia masih belum dijelaskan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semalam Yong akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri Sabah daripada Salleh, yang telah mengemukakan surat perletakan jawatannya kepada beliau (Dr Mahathir) baru-baru ini.

Menjawab soalan daripada pemberita pada akhir lawatan dua harinya ke Melaka, Dr Mahathir berkata Yong adalah orang yang sepatutnya mengambil alih jawatan itu mengikut sistem giliran jawatan itu di kalangan tiga komuniti besar di Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Beliau juga berkata persidangan dewan undangan negeri selama dua hari yang dijadual 17 dan 18 Jun untuk membahaskan rang undang-undang itu sepatutnya boleh diadakan lebih awal lagi sekiranya anggota dewan undangan negeri Sabah boleh diyakinkan.

Mengenai tarikh beliau akan mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri yang baru, Yong berkata beliau masih belum diberitahu secara rasmi oleh pejabat Yang Dipertua Negeri.

"Kita perlu menunggu diberitahu secara rasmi oleh Istana. Bagaimanapun kita tahu ia tidak lama lagi," katanya.

Mengenai kesangsian di kalangan beberapa pemimpin Umno terhadap perlantikannya dan perletakan jawatan Salleh, Yong berkata ia telah dibincangkan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pertemuan semalam.

"Saya berpendapat kita boleh menghadapi apa juga cabaran yang mendatang. Apa yang penting ialah perlu ada persefahaman di kalangan semua parti komponen BN Sabah. Kita telah mempunyai petunjuk bahawa akan terdapat persetujuan mengenai apa sahaja keputusan yang dibuat oleh kepimpinan BN," katanya.

Mengenai sama ada berlaku perubahan dalam kabinet berikutan perlantikannya ke jawatan itu, Yong berkata kini masih terlalu awal untuk beliau membuat sebarang kenyataan berhubung perkara itu.

Katanya, beliau juga telah menghubungi pejabat Perdana Menteri untuk mendapatkan satu janjitemu dengan Perdana Menteri. -- BERNAMA

JS CR NMO